



KEMELUT PENYELESAIAN HUDUD

Episod panas dalam kalangan parti Pakatan Rakyat (PR) mula terserlah selepas pilihan raya umum (PRU) ke-13. Pada asalnya, perbalahan berlaku ekoran Parti Islam Se-Malaysia (PAS) tidak bersetuju dengan "Langkah Kajang" bagi tujuan untuk menukar mantan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dengan Menteri Besar yang baharu.

ABDUL RAHIM SHAFIE
Pensyarah Kanan Universiti Utara Malaysia

ISU pertukaran Menteri Besar Selangor tidak mendapat persetujuan PAS kerana dikatakan bahawa tiada sebarang asas yang kukuh untuk menukar Tan Sri Khalid sebagai Menteri Besar Selangor. Isu tersebut reda seketika apabila Azmin Ali dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baharu. PAS dikatakan bahawa bersetuju dengan keputusan Azmin Ali memegang tampuk pemerintahan Selangor. Yang menjadi isunya, Parti Keadilan Rakyat (PKR) ingin meletakkan orang lain yang tidak disetujui PAS.

Buat seketika perbalahan dalam kalangan parti PR termasuklah Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan PAS kelihatan seolah-olah berakhir, tetapi disangka panas hingga ke petang, rupa-rupanya hujan di tengah hari. Timbul pula isu untuk melaksanakan hudud di Kelantan. Rang Undang-undang (RUU) Kanun Jenayah Syariah II (1993) Pindaan 2015 dibentangkan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, pada 18 Mac lalu. Sehari selepas itu, kesemua 44 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebulat suara mengundi dengan bersetuju meluluskan RUU tersebut. Sultan Kelantan sendiri, Sultan Muhammad V menahirkannya kepada kerajaan Kelantan untuk membawa RUU ke Parlimen. Hal ini sekali gus memberikan kekuatan kepada Kelantan dan parti PAS untuk membentangkan usul hudud di Parlimen nanti. Bermulalah langkah PAS untuk membentangkannya di Parlimen untuk memohon kelulusan bagi melaksanakan RUU tersebut. Pindaan RUU yang dibentangkan di DUN Kelantan hanya melibatkan orang

Islam sahaja. Dengan kata lain, jika RUU tersebut diluluskan di parlimen kelak, undang-undang tersebut hanya terpakai untuk orang Islam sahaja.

Untuk memahami secara mendalam mengenai perundangan Islam, asas agama Islam perlu difahami. Secara umumnya, agama Islam terbahagi kepada tiga asas, iaitu akidah, akhlak dan syariah. Syariah pula terbahagi kepada beberapa cabang dan antaranya undang-undang jenayah syariah. Undang-undang jenayah syariah terbahagi pula kepada tiga kategori, iaitu hudud, qisas serta diat dan takzir. Hudud didefinisikan sebagai had atau sempadan. Terdapat tujuh kesalahan yang termaktub dalam hudud, iaitu berzina, menuduh orang lain berzina (*qazaf*), minum arak, mencuri, merompak, murtad, dan memberontak menentang kerajaan.

Yang menjadi isu ialah sejauh manakah hudud boleh dilaksanakan di Kelantan? Adakah perlu meminda perlembagaan atau hanya sekadar meminda Akta 355 Mahkamah Syariah? Sekiranya pelaksanaan hudud di Kelantan memerlukan pindaan perlembagaan, maka sudah tentu memerlukan dua pertiga sokongan ahli parlimen. Sementara itu, jika hanya meminda Akta 355, pindaan hanyalah memerlukan kelulusan majoriti. Hal ini bermakna, RUU yang diluluskan di DUN Kelantan lebih mudah untuk dilaksanakan sekiranya Akta 355 dipinda. Dengan hanya sokongan 112 orang ahli parlimen, maka pindaan Akta 355 boleh dilakukan. Daripada 222 orang ahli parlimen, 132 orang daripadanya ialah ahli parlimen yang beragama Islam.

Meskipun di atas kertas angka 112 mudah diperoleh daripada kalangan ahli parlimen beragama Islam, secara realitinya hal ini bukan mudah seperti yang disangka. Hal ini dikatakan demikian kerana masih belum terdapat petanda bahawa keseluruhan 88 orang ahli Parlimen UMNO akan menyokong penuh pindaan Akta 355. Kepimpinan tertinggi UMNO juga masih belum menyatakan pendirian rasmi UMNO sama ada menyokong atau tidak pelaksanaan hudud di Kelantan. Malah, lebih memburukkan keadaan, dalam kalangan ahli parlimen PKR dan PAS sendiri turut menyatakan bahawa hudud bukan isu utama rakyat Malaysia pada masa ini.

Perbalahan dalam kalangan pemimpin PAS yang dikenali sebagai profesional dengan proulama juga menggambarkan kesukaran untuk mendapat sokongan meskipun hanya sekadar majoriti mudah. Lebih-lebih lagi, pelaksanaan hudud dikatakan mampu menjadikan negara kita sebagai radar utama bagi pihak luar yang sentiasa mencari peluang untuk menghentam dan mencampuri hal ehwal negara. Hal ini terbukti apabila terdapat golongan yang cuba membawa isu hak asasi manusia dan individu pada peringkat antarabangsa, seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang bertentangan sama sekali dengan syariah Islam.

Selepas PRU ke-12, golongan liberal semakin berani dan lantang "berjuang" menentang apa-apa tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa agama Islam, sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri dalam menegakkan syariat Islam. Antaranya garis panduan hiburan yang dikeluarkan oleh Jabatan kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapat tentangan golongan tersebut, walhal tujuan garis panduan tersebut bagi mencegah sebarang masalah sosial dalam kalangan generasi muda.

Dalam hal ini, Islam cukup lengkap memperincikan mengenai batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan. Malangnya terdapat pihak tertentu, termasuklah yang beragama Islam, menentang perkara yang ingin dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama Islam bagi menjaga kemaslahatan ummah termasuklah dalam isu hudud yang bertujuan bagi



Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II (1993) Pindaan 2015 dibentangkan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, pada 18 Mac lalu.

membendung pelbagai jenayah dan kerosakan akhlak yang berlaku dewasa ini. Persoalan undang-undang sedia ada masih tidak mampu membendung jenayah seperti murtad yang akhirnya masih berpanjangan hingga kini. Oleh sebab itu, hudud perlu dilaksanakan sebagaimana tuntutan agama Islam.

Bagi masyarakat bukan Islam, meskipun sudah ada kenyataan bahawa hudud tidak memberikan kesan kepada mereka, sesetengah media memainkan isu yang menyatakan seolah-olah hudud juga memberikan kesan kepada mereka. Kebimbangan ini menyebabkan masyarakat bukan Islam dipengaruhi persepsi seolah-olah hudud memberikan natijah buruk kepada mereka. Tidak kurang juga, mereka beranggapan bahawa hudud tidak wajar dilaksanakan kerana perlembagaan merupakan undang-undang yang tertinggi di Malaysia. Malah kebimbangan bahawa orang bukan Islam tidak boleh menjadi saksi bagi kesalahan di bawah Mahkamah Syariah seolah-olah ada sesuatu yang tidak kena, selain kurang kefahaman yang turut meningkatkan penentangan terhadap hudud.

Bagi mereka, sekiranya jenayah berlaku melibatkan hudud, maka adalah mustahil untuk memisahkan pesalah Islam dengan bukan Islam, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk di negara ini. Banyak hujah mereka yang menentang hudud tidak mempunyai asas yang kukuh, seperti menyatakan bahawa hudud bukan agenda parti politik tertentu pada masa sekarang. Isu menangani kos sara hidup dan rasuah lebih diutamakan oleh mereka berbanding dengan pelaksanaan hudud. Ada juga dalam kalangan pemimpin Islam sendiri yang menyatakan bahawa penumpuan terhadap pembangunan Islam lebih diutamakan. Dengan kata lain, pelaksanaan hudud bukanlah keperluan.

Bagi pengamal undang-undang pula, mereka beranggapan bahawa Kelantan masih belum bersedia untuk pelaksanaan hudud. Terdapat juga pihak yang menggunakan logik akal bahawa hudud akan menyebabkan ketidaksamaan berlaku. Tidak kurang juga ada pihak yang percaya bahawa isu hudud jelas dipolitikkan. Misalnya, ada pemimpin dalam kalangan parti politik PR mendakwa Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, sengaja memecah-belahkan PR kerana alasan berulang-ulang kali tidak memenuhi janjinya terhadap pakatan tersebut. Lebih-lebih lagi setelah beliau memberikan notis kepada parlimen pada 18 Mac lalu bagi pembentangan usul meminda Akta 355 Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Dalam Akta 355, kuasa mahkamah syariah dalam menghukum pesalah terhad, iaitu tidak boleh melebihi tiga tahun penjara, RM5000 denda dan enam kali sebatan. Pindaan Akta 355 bagi tujuan memperkasakan dan mempertingkatkan bidang kuasa mahkamah syariah selaras untuk menegakkan syariat Islam di Malaysia.

Melihat senario terkini, timbul persoalan adakah masih ada ruang untuk menyelesaikan kemelut hudud? Mampukah Datuk Seri Abdul Hadi mempengaruhi ahli parlimen menyokong pindaan Akta 355 kelak? Jika kedua-dua ini dapat direalisasikan, maka tidak mustahil hudud dapat dilaksanakan di Kelantan. **www**